



PROPER A 2025

Edisi 3 | 2025 | Bilangan 52 | Edaran Percuma

WADAH

Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak



**SULTAN NAZRIN
LANCAR ZAPAR,**

TINGKAT TADBIR URUS DAN
KUTIPAN ZAKAT NEGERI PERAK

**PELAJAR KEMAHIRAN
ASNAF MAIPK CEMERLANG**

DI MALAYSIA CULINARY
WORLD CUP 2025



**MAIPK BELANJA LEBIH RM1.8 JUTA PERKASA
ASNAF DALAM 5 KURSUS BIDANG MINYAK & GAS**

Sidang Redaksi

Edisi 3 | 2025 | Bil. 52

Wadah

PENASIHAT

Syamsul Hazeman bin Md Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif

KETUA EDITOR

Munawir bin Mohamed Noh
Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat & Adat Melayu

EDITOR

Norhidayu binti Sakdon
Pengurus Unit Komunikasi Strategik

Mohd Yakop bin Ikram
Penolong Pengurus Unit Komunikasi Strategik

JURUFOTO

Hamizul bin Othman
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Nurul Farzana binti Ahmad Shah
Pembantu Tadbir Unit Komunikasi Strategik

Amirul Khalid bin Ahmad
Pembantu Tadbir Unit Sekretariat

EDARAN

Unit Komunikasi Strategik

DITERBITKAN OLEH:

Unit Komunikasi Strategik
Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak,
Tingkat 6, Kompleks Islam Darul Ridzuan,
30000 Ipoh, Perak.
Tel: 05-2084000 Faks: 05-2414257

Laman web: www.maipk.gov.my
<https://wakafperak.gov.my/>

Emel: korporat@maipk.gov.my

Facebook: Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak

Instagram : ZakatPerak_Official

Tiktok : MajlisAgamaislamPerak

Isi Kandungan

Sidang Redaksi	2
Titah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan Sultan Nazrin Muizzuddin Shah	3 – 5
Semasa	6 – 10
Keratan Akhbar	11
Program Skim Latihan Kemahiran Asnaf (SLKA)	12



**TITAH
DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH**

MAJLIS PELANGARAN ZAKAT PERAK AL RIDZUAN

**TARIKH: 26 JUN 2025 / 29 ZULHIJAH 1446 (KHAMIS)
JAM: 9.15 PAGI
TEMPAT: PUSAT ZAKAT AL RIDZUAN,
NO 11, JALAN PANGLIMA BUKIT GANTANG WAHAB, IPOH.**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
الْسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Salam Sejahtera.

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ وَ
الْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَالتَّابِعِينَ وَالْعُلَمَاءِ وَالصَّالِحِينَ لَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ .

Zakat adalah salah satu daripada Rukun Islam yang wajib ditunaikan. Menunaikan zakat membuktikan sifat taat seorang hamba memenuhi perintah Penciptanya, di samping mencerminkan sifat bersyukur terhadap rezeki kurniaan Illahi. Firman Allah Subhanahu Wata'ala, ayat 103 Surah At-Taubah maksudnya:

"Ambillah zakat daripada sebahagian harta mereka supaya kamu dapat membersihkan mereka (daripada dosa) dan menyucikan mereka (daripada akhlak yang buruk). Berdoalah untuk mereka kerana sesungguhnya doa kamu itu (boleh) menenteramkan jiwa mereka. Dan (ingatlah), Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."¹

2. Perkataan 'ambillah' dalam ayat 103, Surah At-Taubah merupakan perintah yang ditujukan kepada pihak 'penguasa' supaya mengutip zakat daripada orang-orang yang layak. Perintah ini diperkukuhkan, berpandukan arahan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam ketika mengutus Muadz bin Jabal ke Yaman. Sabda Baginda:

"Apabila mereka patuh kepada mu untuk hal itu 'bersyahadah', maka beritahu kepada mereka bahawa Allah mewajibkan zakat kepada mereka pada harta-harta mereka, yang diambil dari orang kaya dalam kalangan mereka, lalu diagihkan kepada fakir dalam kalangan mereka."²

3. Di samping perintah mengutip zakat, Allah Subhanahu Wata'ala turut memperincikan lapan golongan asnaf yang layak menerima zakat melalui firman Nya dalam ayat 60, Surah At-Taubah, bermaksud:

"Sesungguhnya zakat itu hanyalah untuk orang fakir, orang miskin, petugas-petugas amil zakat yang menguruskannya, para mualaf yang dijinakkan hati mereka, untuk hamba sahaya yang hendak memerdekakan dirinya, orang yang berhutang, untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah (fi sabilillah), dan Ibnu al-sabil (musafir yang terputus perbelanjaan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu) adalah sebagai sesuatu ketetapan (yang datangnyanya) daripada Allah.

Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana".^[3]

4. Ayat 60 Surah At-Taubah menjadi asas rujukan untuk mengurus pengagihan zakat secara adil dan teratur, demi memastikan tidak berlaku sebarang penyelewengan hak golongan asnaf, dan menentukan setiap sen yang dikutip, dibelanjakan mengikut ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala.

5. Zakat berperanan sebagai instrumen utama untuk menjamin keadilan sosial, mengangkat martabat golongan yang memerlukan, dan merapatkan jurang antara golongan kaya dengan miskin. Kaedah mengurus pungutan zakat memiliki sejarah yang panjang. Pungutan zakat secara tradisional berlangsung di bumi ini untuk tempoh yang lama. Zakat lazimnya diserahkan secara perseorangan kepada guru-guru agama yang kemudiannya memenuhi peranan mengagihkan kepada golongan asnaf mengikut keperluan setempat.^[4] Kaedah bayaran zakat secara tradisional ini berlangsung atas semangat percaya mempercayai, tanpa mempunyai rekod kutipan dan data agihan yang tersusun, dan sukar dipastikan ketepatan pengiraan dan agihan, begitunya juga keberkesanannya dalam memenuhi sepenuhnya falsafah dan matlamat pungutan zakat.

6. Berlaku penghijrahan urusan pungutan zakat setelah British bertapak dan memainkan peranan dalam urusan pentadbiran negeri. Hal ehwal Islam dan adat istiadat Melayu diserahkan kuasa dan tanggungjawab kepada Raja Pemerintah di peringkat negeri. Maka lahirlah institusi yang kini dikenali sebagai 'Majlis Agama Islam', bermula penubuhannya di Kelantan pada tahun 1916, disusuli kemudiannya sebagai asas pengurusan agama Islam merangkumi urusan zakat di serata negeri.^[5]

7. Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) ditubuhkan pada 1 Muharam 1369 Hijrah (bersamaan 23 Oktober 1949 Masihi). Penubuhan MAIPK selaras dengan kuasa yang termaktub dalam Undang-undang Tubuh Negeri Perak (1948). Pada tahun ketiga penubuhan MAIPK, pada 1 Mei 1952, Kerajaan Negeri Perak telah meluluskan Undang-undang Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak. Selain berperanan sebagai badan penasihat Sultan mengenai hal-hal berkaitan Agama Islam dan adat Melayu, MAIPK juga bertanggungjawab sebagai *Baitulmal* untuk mengurus perkara berkaitan harta orang Islam terutama urusan zakat dan wakaf di negeri Perak.

8. Selama satu dekad pertama penubuhan MAIPK, hasil zakat yang dikumpulkan tidak pun mencapai empat ratus ribu ringgit,^[6] memberi makna sama ada kesedaran untuk membayar zakat masih kurang dihayati, atau bilangan umat Islam yang layak membayar zakat masih kecil, atau amaun zakat yang dibayar masih rendah, atau minda pembayar zakat masih belum berubah

daripada amalan tradisi membayar zakat kepada guru-guru agama. Kutipan zakat ketika itu pula lebih tertumpu pada zakat fitrah dan zakat tanaman dalam kawasan pesawah padi di Mukim Sungai Manik, Seberang Perak dan Kerian.

9. Selepas lima puluh lima tahun penubuhannya, pada tahun 2004, MAIPK merekodkan kutipan zakat bagi semua kategori, merangkumi harta dan fitrah, berjumlah dua puluh enam perpuluhan tiga juta ringgit (RM26.3 juta). Alhamdulillah, pada tahun 2024, MAIPK merekodkan kutipan zakat berjumlah dua ratus lima puluh tiga juta ringgit (RM253,020,010.00), meningkat lapan ratus lima puluh lapan peratus (858%) dalam tempoh dua puluh tahun terakhir.

10. Boleh dirumuskan kutipan zakat yang semakin meningkat dipengaruhi oleh enam faktor:

Pertama: Kesedaran, fahaman dan penghayatan umat Islam terhadap perintah dan hukum yang mewajibkan zakat.

Kedua: Pendapatan umat Islam secara perseorangan begitu juga secara perniagaan dan tanaman yang meningkat.

Ketiga: Insentif kerajaan memberi rebat cukai pendapatan dan potongan cukai keuntungan perniagaan kepada individu dan institusi yang membayar zakat.

Keempat: Pengenalan wakalah.

Kelima: Penambahbaikan pengurusan zakat.

Keenam: Keyakinan umat Islam untuk menunaikan zakat melalui MAIPK.

11. Keyakinan umat Islam terhadap MAIPK hendaklah terus ditingkatkan melalui tadbir urus yang cekap, amanah, telus dan berintegriti. Islam menegah keras perlakuan pecah amanah dan salah guna kuasa dalam kalangan mereka yang telah diberikan amanah, jawatan dan kuasa. Abu Humaid Ibn Sa'ad As-Saidi meriwayatkan peristiwa antara Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam dengan Al-Lutabiyyah yang diberikan hadiah ketika menjalankan tugas memungut zakat. Ketika menyerahkan kutipan zakat, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bertanya tentang bahagian yang tidak diserahkan. Al-Lutabiyyah memaklumkan bahawa bahagian tersebut telah dihadihkan kepada beliau oleh beberapa orang pembayar zakat. Lalu Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bertanya, "Adakah engkau akan diberi hadiah jika engkau tidak ditugaskan untuk memungut zakat?". Baginda menganggap pemberian sedemikian diragukan, dikhawatiri terkandung elemen rasuah, lalu menasihati Al-Lutabiyyah menyerahkan kembali hadiah tersebut kepada pemberinya.^[7] Jadikan kisah Al-Lutabiyyah sebagai pedoman dan rujukan, dijadikan tanda aras budaya dan etika kerja yang amanah, telus dan berintegriti dalam kalangan

1 Al-Quran, At-Taubah (9:103)

2 Hadith Riwayat Bukhari Muslim, <http://muftiwp.gov.my/ar/artikel/irsyad-hukum/edisi-ramadhan/4482-irsyad-fatwa-khas-ramadhan-siri-ke-168-hukum-amil-mengambil-duit-lebihan-zakat>.

3 Al-Quran; At-Taubah (9:60)

4 Mustaffa Abdul Rahman, 2011. Pemodenan Pengurusan Pungutan Dan Pelaksanaan Agihan Zakat: Amalan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan.

5 The Straits Times, 1 August 1917, ms 10. 6 The Straits Times, 13 May 1960, ms 6.

7

warga kerja MAIPk dan warga kerja Pusat Zakat, agar warga kerja MAIPk dan warga kerja Pusat Zakat senantiasa mendapat rahmat petunjuk Illahi, dilimpahi keberkatan hidup di dunia dan kesejahteraan di akhirat.

12. Pelbagai pihak baik secara perseorangan begitu juga melalui organisasi berperanan penting memungkinkan kutipan zakat semakin meningkat. Beta menghargai sokongan Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Kewangan Negeri yang bersetuju memperkenalkan dan melaksanakan skim bayaran zakat melalui potongan gaji bulanan kakitangan. Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam menyampaikan syiar Islam bermula daripada keluarga dengan berdakwah kepada isteri dan sepupu Baginda, Sayidina Ali Radiallahuanhu serta sahabat rapat Baginda Sayidina Abu Bakar Radiallahuanhu. Konsep membentuk dan meningkatkan kesedaran itu perlu bermula dari rumah dan orang terdekat. Beta berbesar hati disembah maklum bahawa Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, merupakan satu-satunya institusi di negeri ini, yang seratus peratus warganya memberikan persetujuan menunaikan bayaran zakat melalui skim potongan gaji dan elaun, bermula daripada Yang Dipertua dan ahli-ahli Majlis sehingga kepada kakitangan yang paling rendah pendapatannya. Semoga pencapaian MAIPk ini menjadi sumber inspirasi dan contoh teladan kepada semua jabatan negeri dan persekutuan begitu juga pelbagai industri, syarikat dan badan swasta di negeri Perak.

Allahuakbar! Allahuakbar! Allahuakbar!

13. Agama Islam tidak hadir sekadar mengatur hubungan manusia dengan Allah Subhanahu Wata'ala, malah perlu diimbangkan dengan mengolah tatacara hubungan manusia sesama manusia. Islam ialah agama yang memberi arah untuk umatnya berusaha mencipta dan mencapai kemajuan dengan bersedia melakukan penghijrahan, tidak terbatas dalam perkara-perkara spiritual tetapi merangkumi perkara-perkara material. Islam menganjurkan manusia untuk berani melakukan hijrah. Amalan berhijrah hendaklah dilakukan sepanjang hayat. Insan yang enggan atau takut berhijrah akan terpinggir dan tertinggal. Oleh itu institusi Islam yang dinamik, perlu bergerak seiring perubahan era digital dan kemajuan teknologi agar tidak tenggelam dan tidak dilihat lapuk tanpa sebarang pembaharuan.

14. Dengan trend perolehan kutipan zakat yang semakin meningkat serta cabaran tugas yang turut meningkat, amatlah bertepatan untuk MAIPk mengambil pendekatan berani, merintis langkah strategik, melakukan penghijrahan, mengolah struktur organisasi dan budaya kerja baharu. Dalam semangat mahu berhijrah kepada budaya kerja baharu yang lebih dinamik, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak ke-227, yang bersidang pada 30 Jamadilakhir 1445 Hijrah bersamaan 12 Januari

2024 merumuskan ketetapan untuk menambah baik tugas-tugas pungutan zakat melalui penubuhan sebuah anak syarikat milik penuh MAIPk. Beta telah memperkenankan sembah cadangan MAIPk.

15. Alhamdulillah niat murni yang disusuli dengan usaha yang ikhlas telah dimakbulkan Illahi. Pada hari ini, 29 Zulhijah 1446 Hijrah, hari terakhir tahun 1446 Hijrah, ketika umat Islam sedang diambang melangkah masuk ke tahun 1447 Hijrah apabila azan solat Maghrib dilaungkan senja ini, dan ketika MAIPk pada hari ini genap berusia 78 tahun penubuhannya mengikut perkiraan tahun Hijri, dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala, kita dihindungkan untuk menjadi saksi pelancaran ZAKAT PERAK AL RIDZUAN atau singkatan namanya ZAPAR.

16. Penubuhan ZAPAR merupakan inisiatif strategik untuk meningkatkan kecekapan, ketelusan dan akauntabiliti organisasi; suatu langkah dinamik untuk memungkinkan perkhidmatan kutipan zakat yang lebih berkualiti dan responsif dapat diberikan kepada pelanggan dan rakyat. Pewujudan ZAPAR insya-Allah akan memberi manfaat besar kepada golongan asnaf dan para muzakki (pembayar zakat). Keutamaan tata kelola yang cekap dan teratur serta berorientasi digital yang diterapkan di ZAPAR akan menyuburkan peranan institusi Islam seiring arus kontemporari. Melalui platform digital, kutipan zakat kini dapat dilakukan dengan lebih mudah dan pantas. Kemajuan teknologi juga membantu mempercepatkan proses agihan secara lebih menepati sasaran dengan pengumpulan maklumat yang lebih tepat dan tersusun. Kini setiap transaksi yang berlaku mudah dijejak oleh pembayar dan penerima, sekali gus meningkatkan ketelusan integriti institusi.

17. Penghijrahan ini tidak akan tercapai tanpa komitmen pelbagai pihak. Beta merakamkan penghargaan dan menzahirkan ucapan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Yang Dipertua dan ahli-ahli Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak, Sahibus Samahah Mufti dan ahli-ahli Jawatankuasa Fatwa, Perunding VIP Solution, Pengerusi dan ahli Lembaga Pengarah ZAKAT PERAK AL RIDZUAN, Ketua Eksekutif, pengurusan dan kakitangan MAIPk dan pelbagai pihak yang terlibat aktif merealisasikan kelahiran ZAKAT PERAK AL RIDZUAN.

18. Dengan penentuan dan restu Illahi jua, berserta lafaz Bismillahi Rahmani Rahim, Beta melancarkan ZAKAT PERAK AL RIDZUAN, sebagai entiti rasmi pengurusan kutipan zakat dan wakaf tunai bagi negeri Perak Darul Ridzuan.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

SULTAN NAZRIN LANCAR ZAPAR, TINGKAT TADBIR URUS DAN KUTIPAN ZAKAT NEGERI PERAK



IPOH, 26 Jun 2025 - Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah hari ini berkenan menyempurnakan Majlis Pelancaran Zakat Perak Al Ridzuan (ZAPAR), sebuah entiti korporat milik penuh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) yang ditubuhkan bagi memperkasa sistem pungutan zakat di negeri ini. Penubuhan ZAPAR sebagai syarikat sendiri berhad menandakan satu era baharu tata kerja urusan pungutan zakat di Perak dengan pendekatan lebih professional dan efisien, berteraskan digitalisasi selaras dengan keperluan dan kemajuan teknologi semasa.

Langkah strategik ini diambil bagi memastikan pengurusan kutipan zakat terus ditambahbaik, dan telus untuk meningkatkan keyakinan individu Muslim (muzakki) juga sektor korporat dan perniagaan. ZAPAR akan menjadi platform utama kepada umat Islam, syarikat dan institusi korporat untuk menunaikan tanggungjawab menunaikan zakat serta menyemarakkan budaya wakaf tunai.

Pendekatan ini dijangka mampu melonjakkan kutipan zakat dan memperluaskan manfaatnya kepada golongan asnaf yang layak. ZAPAR akan menguruskan segala urusan berkaitan pungutan zakat manakala agihan zakat akan



terus dikendalikan sepenuhnya oleh MAIPK. MAIPK menyeru masyarakat Islam, terutamanya di Perak untuk memberi sokongan penuh kepada ZAPAR sebagai entiti rasmi pungutan zakat negeri agar rukun Islam ketiga ini dapat dilaksanakan dengan lebih sempurna dan berkesan.

Turut hadir pada majlis ialah YAB Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Yang Dipertua MAIPK, YABhg. Tan Sri Mohd. Annuar bin Zaini, Yang Dipertua Dewan Negeri Perak, Dato' Mohammad Zahir bin Dato' Abdul Khalid, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) Negeri Perak, Anggota MAJLIS, Ahli Lembaga Pengarah ZAPAR, Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak, Orang Besar Jajahan Negeri Perak, Pegawai Daerah Negeri Perak, Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan, Negeri dan Badan Berkanun, Ahli Majlis Perundingan Masjid Negeri Perak, Pengurus Besar dan Pengurus Cawangan MAIPK, Pegawai Tadbir Agama Negeri Perak dan syarikat-syarikat korporat dan individu pembayar zakat.

SENARAI AHLI LEMBAGA PENGARAH ZAKAT PERAK AL RIDZUAN

1. Profesor Dato' Dr. Ansary bin Ahmed (Pengerusi)
2. Profesor Madya Dr. Mohamed Fairouz bin Abdul Khir
3. Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh
4. Puan Wan Maizura binti Wan Zahari
5. AF Ustaz Ahmad Fauwaz bin Fadzil Noor
6. Dr. Roszy binti Non
7. Tuan Haji Abdul Khudus bin Mohd Naaim



MAIPK BELANJA LEBIH RM1.8 JUTA PERKASA ASNAF DALAM 5 KURSUS BIDANG MINYAK & GAS

Lebih RM1.8 juta telah dibelanjakan bagi melatih hampir 200 orang peserta untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir dalam industri Minyak & Gas.

Satu sesi inspirasi bertajuk "Mengubah Takdir dengan Tangan Sendiri" turut diadakan sebagai suntikan semangat kepada para peserta. Sesi tersebut disampaikan oleh Pengurus Besar Bahagian Pemerkasaan Asnaf, Amirudin bin Osman, yang memberikan dorongan dan motivasi kepada peserta untuk mengubah masa depan mereka selepas tamat latihan.



IPOH, 22 Jun 2025 - Seramai 120 belia asnaf menyertai Program Latihan Kemahiran Asnaf MAIPK bagi lima kursus utama dalam bidang Minyak & Gas, iaitu Blasting & Painting, Rigger, Scaffolding, serta Gas Pipe & Fitting. Seramai 60 peserta yang diraikan pada hari ini merupakan kumpulan kedua selepas kumpulan pertama, juga seramai 60 orang, yang telah menamatkan latihan dan kini sedang menjalani penempatan pekerjaan di Paka, Terengganu.

Inisiatif melahirkan pekerja mahir dalam kalangan asnaf ini adalah sebahagian daripada usaha strategik MAIPK bagi memperkasakan ekonomi golongan asnaf negeri Perak.

Majlis Perasmian Pelepasan peserta telah disempurnakan oleh Ketua Pegawai Operasi MAIPK, Wan Maizura binti Wan Zahari. Dalam ucapannya, beliau menekankan bahawa bidang TVET merupakan antara jalan utama menuju kejayaan masa hadapan. Beliau turut berkongsi kisah suka dan duka sebagai inspirasi kepada para peserta. Turut hadir memeriahkan majlis Ketua Pegawai Eksekutif, SRC Global Resources Sdn. Bhd., YBhg. Dato' Norhisham bin Mohd Ariffin, Pengurus Perniagaan, MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd., Muhammad Saiful bin Mohd Khairi, dan Ketua Jabatan TVET, MARA Excellent Ventures Sdn. Bhd, Muhammad Iskandar Dzulkarnain bin Mohd Zaidi.

SEMINAR HIJRAH MINDA PERKUKUH JATI DIRI USAHAWAN ASNAF

JANDA BAIK, 15 Jun 2025 - Seramai 70 peserta Program Pemerkasaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) anjuran Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPK) telah menyertai Seminar Hijrah Minda yang berlangsung selama tiga hari bermula 13 hingga 15 Jun di Cherengin Hills Convention & SPA Resort, Janda Baik, Pahang.

Seminar ini memberi tumpuan kepada latihan kemahiran insaniah (soft skills) seperti pembentukan jati diri, pengukuhan minda dan sikap, serta penerapan nilai kendiri yang positif dalam kalangan peserta. Program ini bertujuan memperkukuh kekuatan dalaman peserta agar lebih bersedia menghadapi cabaran dunia keusahawanan dan seterusnya mencapai kejayaan yang mampan.



Empat kursus utama dalam bidang latihan keusahawanan yang ditawarkan di bawah PROPER A bagi tahun 2025 adalah seperti berikut:

1. Kursus Gunting Rambut Lelaki & Wanita
2. Kursus Membaiki Telefon Pintar
3. Kursus Francais Usahawan Roti Kaya Junus
4. Kursus Francais Usahawan Minuman Kopi

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Pengurus Besar Bahagian Pemerkasaan Asnaf, Amirudin bin Osman. Dalam ucapannya, beliau menekankan kepentingan pembentukan sikap serta kekuatan dalaman dalam melahirkan usahawan asnaf yang berdaya tahan dan berdaya saing.

MAIPK komited untuk terus memberikan sokongan dan bimbingan berterusan kepada para peserta melalui program latihan, pemantauan, serta pembangunan kapasiti keusahawanan, selaras dengan hasrat memperkasakan ekonomi ummah menerusi pendekatan yang strategik dan bersepadu.





PELAJAR KEMAHIRAN ASNAF MAIPK CEMERLANG DI MALAYSIA CULINARY WORLD CUP 2025



IPOH, 27-29 Jun 2025 - Seramai enam orang pelatih Program Kemahiran Asnaf MAIPK telah menyertai Malaysia Culinary World Cup 2025 yang berlangsung di Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru. Pelatih Kursus Penyediaan dan Pembuatan Makanan di Haaza Centre of Excellence tajaan MAIPK iaitu Nur Adila Sazwani binti Zulkanain dan Siti Nur Izzati binti Ramli berjaya meraih Pingat Emas bagi kategori Masakan Tradisional Warisan Malaysia. Manakala, Nur Shafia Irdina binti Anuar meraih Pingat Perak bagi kategori Modern Western dalam pertandingan berprestij yang disertai lebih 20 negara.

Kejayaan ini bukan sahaja mengharumkan nama negara, bahkan membuktikan bahawa anakanak asnaf juga mampu berdiri setanding di pentas dunia apabila diberi peluang dan bimbingan yang tepat. MAIPK amat berbangga dengan pencapaian ini dan akan terus komited dalam memperkasa golongan asnaf melalui program kemahiran bersijil yang membuka ruang kepada kejayaan berdaya saing. Semoga kejayaan ini menjadi inspirasi kepada semua pelatih dan belia asnaf untuk terus melakar kecemerlangan dalam bidang masing-masing.



PERSIDANGAN MAIPK KALI KE-232



IPOH, 26 Jun 2025 - Persidangan MAIPK Kali Ke-232 bil 2/2025 dipengerusikan oleh Yang Dipertua MAIPK, YABhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd. Annuar bin Zaini. Hadir sama Menteri Besar Perak, YAB Dato' Seri Saarani bin Mohamad, Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim, Penasihat Undang-Undang Negeri Perak, YB Dato' Azmir Shah bin Zainal Abidin, Pegawai Kewangan Negeri Perak, YB Dato' Mohd Zaki bin Mahyudin dan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPK, Tuan Syamsul Hazeman bin Md Salleh serta barisan anggota MAIPK.



PROGRAM MESRA HARI BERTEMU PELANGGAN KERAJAAN NEGERI PERAK SIRI 4/2025

LENGGONG, 30 JUN 2025 - Program Mesra Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri Perak Siri 4/2025 berlangsung di Dewan Al-Abqari, MRSM Lenggong. Pengurus Besar Bahagian Komunikasi Strategik, Sekretariat dan Adat Melayu MAIPK, Munawir bin Mohamed Noh turut hadir bagi menyantuni para pelanggan serta mendengar sendiri pandangan dan maklum balas yang dikongsikan.

MAIPK mengalu-alukan kerjasama orang ramai untuk menjadi mata dan telinga masyarakat dalam menyalurkan maklumat berkaitan golongan asnaf yang memerlukan bantuan. Semoga dengan keprihatinan dan sokongan semua pihak, tiada yang terpinggir daripada menerima bantuan yang sewajarnya, dan potensi wakaf dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk kesejahteraan ummah.





Sinergi MAIPK, Pasak perkasa TVET



KAMPUS - Sinergi dan kerjasama antara MAIPK dan TVET Perak akan meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan teknikal di negeri ini. MAIPK akan berperanan dalam membangunkan infrastruktur dan menyediakan kemudahan untuk TVET, manakala TVET akan bertanggungjawab dalam menyediakan tenaga kerja yang berkualiti untuk sektor swasta.

MAIPK Perak telah mengadakan satu majlis persembahan untuk memperkenalkan projek pembangunan infrastruktur di beberapa kampus TVET. MAIPK akan menyediakan kemudahan seperti bilik komputer, bilik latihan, dan bilik kuliah untuk TVET. Selain itu, MAIPK juga akan menyediakan kemudahan untuk penempatan tenaga kerja.

TVET Perak pula akan bertanggungjawab dalam menyediakan tenaga kerja yang berkualiti untuk sektor swasta. TVET akan menyediakan latihan teknikal dan profesional kepada pelajar-pelajarnya. TVET juga akan bekerjasama dengan sektor swasta untuk menyediakan latihan on-the-job kepada pelajar-pelajarnya.

Sultan Nazrin calls for environmental action

IPOH: Sultan of Perak, Sultan Nazrin Muazzam Shah, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

"When wild animals begin approaching human settlements, it is a sign that their habitats have been disturbed and encroached upon."

"Destroying habitats and endangering the lives of other creatures is regarded in Islam as a grave sin and those who commit such acts are condemned," he said. In his speech at the state-level Mabit celebration here on Thursday.

He said Islam firmly prohibited all forms of pollution that harm the environment.

A damaged ecosystem, he said, not only affected humankind, but also disrupted the balance of the entire natural world, leading to disaster and danger.

"It is profoundly irresponsible for individuals, when Allah has blessed with intellect and reason, to knowingly choose the path of destruction."

"Let us reflect. Let us awaken. The worsening disaster affecting our earth are the result of human transgression by those who are ungrateful, who overstep boundaries, defy divine commands and violate the rights of lower creations."

"It is a collective sin that breeds imbalance and suffering. Every individual bears the shared responsibility to ensure a balanced approach to development, one that does not come at the expense of environmental preservation."

"A just and sustainable future must be founded on harmony between progress and the protection of the natural world."

Meanwhile, Sultan of Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah called on Muslims to use the new year to renew their resolve to become better Muslims who embody compassion and empathy, the true meaning of ukhwal (brotherhood) and love for one another, Bernama reported.

In a royal message posted on the Selangor Royal Office's Facebook page, Sultan Sharafuddin reminded Muslims that amid the trials and turbulence of today's world, people must refrain from quarrelling simply due to differing views or preferences.

"Islam teaches us that the strength of the ummah lies in unity, not division. Do not let hatred and resentment destroy the harmony we have built together."

"It is deeply saddening that slander, backbiting, and sowing discord have become common-place. Prophet Muhammad reminded us to guard our tongues, as a sharp tongue can inflict wounds deeper than a sword," he said.

20 NASIONAL

Qariah negara dinobatkan Tokoh Maal Hijrah Perak, Ibu Menteri Pendidikan dipilih Tokoh Ar-Ridzuhan

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Qariah negara Sultan Khalid Fadillah Shah, Sultan Muazzam Shah, telah dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Perak. Beliau dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Perak dalam majlis yang diadakan di Istana Maal Hijrah Perak, Ipoh, pada Sabtu malam.

Sultan Muazzam Shah telah dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Perak dalam majlis yang diadakan di Istana Maal Hijrah Perak, Ipoh, pada Sabtu malam. Beliau dinobatkan sebagai Tokoh Maal Hijrah Perak dalam majlis yang diadakan di Istana Maal Hijrah Perak, Ipoh, pada Sabtu malam.

Martabat diangkat jika ikhlas mencintai al-Quran

IPAH: Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

"When wild animals begin approaching human settlements, it is a sign that their habitats have been disturbed and encroached upon."

"Destroying habitats and endangering the lives of other creatures is regarded in Islam as a grave sin and those who commit such acts are condemned," he said. In his speech at the state-level Mabit celebration here on Thursday.

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

"When wild animals begin approaching human settlements, it is a sign that their habitats have been disturbed and encroached upon."

"Destroying habitats and endangering the lives of other creatures is regarded in Islam as a grave sin and those who commit such acts are condemned," he said. In his speech at the state-level Mabit celebration here on Thursday.

6 NASIONAL

Urus zakat dengan amanah, telus

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

"When wild animals begin approaching human settlements, it is a sign that their habitats have been disturbed and encroached upon."

"Destroying habitats and endangering the lives of other creatures is regarded in Islam as a grave sin and those who commit such acts are condemned," he said. In his speech at the state-level Mabit celebration here on Thursday.

6 NASIONAL

Urus zakat dengan amanah, telus

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

"When wild animals begin approaching human settlements, it is a sign that their habitats have been disturbed and encroached upon."

"Destroying habitats and endangering the lives of other creatures is regarded in Islam as a grave sin and those who commit such acts are condemned," he said. In his speech at the state-level Mabit celebration here on Thursday.

6 NASIONAL

Urus zakat dengan amanah, telus

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

"When wild animals begin approaching human settlements, it is a sign that their habitats have been disturbed and encroached upon."

"Destroying habitats and endangering the lives of other creatures is regarded in Islam as a grave sin and those who commit such acts are condemned," he said. In his speech at the state-level Mabit celebration here on Thursday.

6 NASIONAL

Urus zakat dengan amanah, telus

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

"When wild animals begin approaching human settlements, it is a sign that their habitats have been disturbed and encroached upon."

"Destroying habitats and endangering the lives of other creatures is regarded in Islam as a grave sin and those who commit such acts are condemned," he said. In his speech at the state-level Mabit celebration here on Thursday.

KERATAN AKHBAR

Dalam Negeri

Sultan Perak rasmi Dataran Waterfront Bagan Datuk

BAGAN DATUK: Sultan Perak, Sultan Nazrin Muazzam Shah, telah rasmi membuka Dataran Waterfront Bagan Datuk, sebuah kawasan rekreasi dan pelancongan yang terletak di Bagan Datuk, Ipoh.

Sultan Nazrin Muazzam Shah telah rasmi membuka Dataran Waterfront Bagan Datuk, sebuah kawasan rekreasi dan pelancongan yang terletak di Bagan Datuk, Ipoh. Beliau telah rasmi membuka Dataran Waterfront Bagan Datuk, sebuah kawasan rekreasi dan pelancongan yang terletak di Bagan Datuk, Ipoh.

SteP, MAIPK bantu usahawan asnaf lonjak pendapatan, capai Perak Sejahtera 2030

IPAH: SteP (Small Trade Enterprise Programme) dan MAIPK (Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak) akan bekerjasama untuk membantu usahawan asnaf meningkatkan pendapatan mereka dan mencapai Perak Sejahtera 2030.

SteP dan MAIPK akan bekerjasama untuk membantu usahawan asnaf meningkatkan pendapatan mereka dan mencapai Perak Sejahtera 2030. Mereka akan bekerjasama untuk membantu usahawan asnaf meningkatkan pendapatan mereka dan mencapai Perak Sejahtera 2030.

6 NEWS/Nation

STRATEGIC TRANSFORMATION

ZAPAR TO BOOST PERAK'S ZAKAT SYSTEM

New subsidiary to improve efficiency and access, says Sultan Nazrin

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

SULTAN of Perak, Sultan Nazrin Muazzam Shah, has announced the formation of a new subsidiary, ZAPAR (Zakat Administration Perak), to improve the efficiency and access of the Perak Zakat System.

Sultan Nazrin Muazzam Shah has announced the formation of a new subsidiary, ZAPAR (Zakat Administration Perak), to improve the efficiency and access of the Perak Zakat System. He has announced the formation of a new subsidiary, ZAPAR (Zakat Administration Perak), to improve the efficiency and access of the Perak Zakat System.

6 NASIONAL

ZAPAR perkasa pengurusan kutipan zakat di Perak

Sultan Nazrin berkenan lancar entiti rasmi baharu lebih berkualiti, responsif

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has announced the formation of a new subsidiary, ZAPAR (Zakat Administration Perak), to improve the efficiency and access of the Perak Zakat System.

Sultan Nazrin Muazzam Shah has announced the formation of a new subsidiary, ZAPAR (Zakat Administration Perak), to improve the efficiency and access of the Perak Zakat System. He has announced the formation of a new subsidiary, ZAPAR (Zakat Administration Perak), to improve the efficiency and access of the Perak Zakat System.

6 NASIONAL

Henti pencerobohan, tangani krisis alam - Sultan Nazrin

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

Sultan Nazrin Muazzam Shah has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats. He has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

6 NASIONAL

Henti pencerobohan, tangani krisis alam - Sultan Nazrin

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

Sultan Nazrin Muazzam Shah has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats. He has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

6 NASIONAL

Henti pencerobohan, tangani krisis alam - Sultan Nazrin

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

Sultan Nazrin Muazzam Shah has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats. He has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

6 NASIONAL

Henti pencerobohan, tangani krisis alam - Sultan Nazrin

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

Sultan Nazrin Muazzam Shah has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats. He has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

34 KOMUNITI KITA!

SEMINAR MUKAM MUNDIA PROPER A 2025

AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PROPER A 2025

AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PROPER A 2025

AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PROPER A 2025

AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PROPER A 2025

AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PROPER A 2025

AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PROPER A 2025

AGAMA ISLAM DAN 'ADAT MELAYU PERAK

PROPER A 2025

6 NASIONAL

ZAPAR cekap, telus kutip zakat

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

Sultan Nazrin Muazzam Shah has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats. He has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

6 NASIONAL

ZAPAR cekap, telus kutip zakat

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

Sultan Nazrin Muazzam Shah has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats. He has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

6 NASIONAL

ZAPAR cekap, telus kutip zakat

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

Sultan Nazrin Muazzam Shah has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats. He has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

6 NASIONAL

ZAPAR cekap, telus kutip zakat

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

Sultan Nazrin Muazzam Shah has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats. He has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

6 NASIONAL

ZAPAR cekap, telus kutip zakat

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

Sultan Nazrin Muazzam Shah has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats. He has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

6 NASIONAL

ZAPAR cekap, telus kutip zakat

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

DAH ANOR ANOOR MOHAMED

Sultan Nazrin Muazzam Shah, Sultan of Perak, has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.

Sultan Nazrin Muazzam Shah has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats. He has issued a stark warning that the increasing presence of wild animals in human-populated areas signals a deeper environmental crisis and the intrusion and destruction of natural habitats.



مجلس ائمه اسلام
دائره عادت ملايو لملاقا

PROGRAM SKIM LATIHAN KEMAHIRAN ASNAF (SLKA)

BIDANG AUTOMOTIF



BIDANG PERKHIDMATAN



BIDANG ELEKTRIK



BIDANG PENGATURCARAAN DAN OPERASI ROBOT

